

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang sudah siap dibina serta lokasinya di bawah peruntukan Kerajaan Pusat di kawasan Tangga Batu.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyelaraskan pelaksanaan rumah mampu milik (RMM) bagi memenuhi keperluan rakyat di seluruh negara termasuklah di Melaka.
2. Bagi status penyediaan rumah mampu milik di negeri Melaka, mulai Julai 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 21,469 unit rumah mampu milik sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Jumlah ini merangkumi 5,373 unit rumah dalam perancangan, 13,119 unit rumah dalam pembinaan dan 2,977 unit rumah telah disiapkan oleh 3 agensi penyedia perumahan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.

3. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12,301 unit RMM Negeri Melaka adalah di bawah KPKT yang meliputi program-program berikut:

- a. Program Perumahan Rakyat (PPR);
- b. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- c. Rumah Transit dan Rumah Transit Belia;
- d. Perumahan PR1MA; dan
- e. RMM Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Jumlah ini merangkumi 2,251 unit rumah dalam perancangan, 9,448 unit rumah dalam pembinaan dan 602 unit rumah telah disiapkan

4. Melalui pelaksanaan **Program Perumahan Rakyat (PPR)** sehingga 30 September 2020, bagi kawasan Parlimen Tangga Batu, Melaka terdapat 1 projek PPR yang telah siap dibina iaitu PPR Paya Rumput yang terdiri daripada 600 unit rumah. Selain itu, sebanyak 2 projek PPR iaitu PPR Tangga Batu (120 unit rumah) dan PPR Pulau Gadong (255 unit rumah) sedang dalam fasa pembinaan.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui **Perumahan PR1MA** terdapat satu projek PR1MA yang sedang dalam pembinaan di kawasan Tangga Batu iaitu Residensi Klebang 2 yang terdiri daripada 800 unit rumah. Peratus kemajuan projek ini setakat 22 Oktober 2020 adalah 51.47% dan dijangka akan siap pada hujung tahun 2021.

6. Status terkini bagi projek-projek PR1MA sedia ada di Melaka seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>LOKASI (DAERAH)</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>	<b>STATUS (OKTOBER 2020)</b>	<b>TARIKH JANGKA SIAP</b>
1.	Residensi Melaka Tengah 1	Melaka Tengah	600	Dalam pembinaan (99.40%)	30 November 2020
2.	Residensi	Alor Gajah	755	Dalam pembinaan	Fasa 1 – 28

BIL	NAMA PROJEK	LOKASI (DAERAH)	BILANGAN UNIT	STATUS (OKTOBER 2020)	TARIKH JANGKA SIAP
	A'Famosa			(Fasa 1 – 78.48% Fasa 2 – 96.89%)	Februari 2021 Fasa 2 – 31 Disember 2020
3.	Residensi Pulau Sebang	Alor Gajah	972	Dalam pembinaan (98.17%)	2 Februari 2021
4.	Residensi Klebang 2	Klebang	800	Dalam pembinaan (51.47%)	31 Disember 2021
5.	Residensi Melaka Tengah 2	Melaka Tengah	980	Dalam pembinaan (64.00%)	Julai 2022
6.	Residensi Bukit Katil	Melaka Tengah	527	Dalam pembinaan (12.91%)	Mac 2022
		<b>JUMLAH</b>	<b>4,634</b>		

7. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tiada pembangunan rumah kos rendah di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Parlimen Tangga Batu.

8. Namun demikian, terdapat pembangunan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Parlimen Tangga Batu. Sehingga kini sebanyak 637 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 321 (50%) permohonan telah diluluskan iaitu 285 unit rumah telah siap dibina dan bakinya (36 unit) adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala 253 permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan. Terdapat 63 pemohon yang masih dalam senarai proses/dinilai layak bagi Parlimen Tangga Batu pada masa kini.

9. Manakala bagi Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM), sehingga Oktober 2020, tiada projek PPAM dibina di Parlimen Tangga Batu. Namun demikian, terdapat 8 projek PPAM di negeri Melaka seperti jadual di bawah:

**NO SOALAN : 390**

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>	<b>STATUS</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Tanjung Minyak	Siap	95
2.	Tanjung Minyak	Siap	153
3.	Durian Tunggal	Siap	64
4.	Durian Tunggal	Siap	74
5.	Jasin	Dalam Pembinaan (91.00%)	546
6.	Jasin	Dalam Pembinaan (28.68%)	145
7.	Kota Laksamana	Dalam Pembinaan (25.00%)	60
8.	Kota Laksamana	Perancangan	140
<b>JUMLAH</b>			<b>1,277</b>

Sekian, terima kasih.